

Mahasiswa dinasihat utamakan ilmu

UM 24.9.2014 26

KOTA KINABALU 23 Sept. - Generasi muda khususnya golongan mahasiswa dinasihatkan agar mementingkan pencarian ilmu dan pembelajaran yang berterusan bagi membolehkan mereka dapat menempuh cabaran masa depan dengan baik.

Ingatan itu disuarakan Toh Puan Rahimah Stephens yang mahu mereka memahami corak hidup hari ini yang memerlukan tindakan melebihi teori yang dipelajari.

Malah beliau yang juga balu kepada bekas Ketua Menteri, Allahyarham Tun Muhammad Fuad Stephens menegaskan saat menggenggam sijil selepas bergelar graduan bukanlah 'lesen' untuk mereka merasakan diri lebih hebat berbanding orang lain.

"Anda bukanlah siapa-siapa sehinggalah anda mampu hidup berdikari," katanya ketika melakukan lawatan ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini baru-baru ini.

Menyentuh tentang Hari Malaysia beliau berkata, cabaran kerajaan hari ini adalah untuk mengajak orang muda agar mampu memahami dengan baik pengertian Malaysia.

"Ini perlu dijelaskan kepada seluruh rakyat terutama golongan muda dan masyarakat pedalaman yang mungkin masih keliru atau tidak jelas tentangnya agar mereka tidak mudah hanyut dengan fitnah dan hasutan berunsur kepentingan peribadi," katanya.

Beliau turut mengajak orang ramai untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang makmur dan aman tanpa mengharapkan bantuan orang luar.

"Jadikan Malaysia sebuah negara yang memberi kegembiraan dan keceriaan buat kita semua. Tidak ada orang yang boleh membantu kita menjadikan negara kita lebih baik selain kita sendiri sebagai rakyatnya," kata beliau.